

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM KIT SIANG (ISKANDAR PUTERI)**

**SOALAN**

**Tuan Lim Kit Siang [ Iskandar Puteri ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah banduan di setiap kompleks penjara dalam negara dan kapasiti kompleks setiap kompleks ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada statistik Jabatan Penjara Malaysia pada 17 Jun 2019, seramai 63,481 banduan sedang menjalani hukuman di penjara seluruh negara manakala jumlah kapasiti penjara diseluruh negara adalah seramai 46,112. Berasaskan statistik Jabatan Penjara pada tarikh yang sama menunjukkan terdapat beberapa penjara yang mengalami kesesakan.

Punca utama kesesakan adalah kerana kadar kemasukan banduan yang meningkat terutamanya banduan warganegara asing yang pada ketika ini merupakan 25% (15,851) dari jumlah keseluruhan banduan iaitu 63,481.

**Statistik Kapasiti Penjara Dan Jumlah Banduan Pada 17 Jun 2019**

<b>BIL.</b>	<b>PENJARA</b>	<b>JUMLAH KAPASITI</b>	<b>JUMLAH PENGHUNI</b>	<b>JUMLAH PERBEZAAN</b>	<b>PERBEZAAN (%)</b>
1.	Perlis	600	1,277	677	112.83
2.	Alor Setar	900	1,138	238	26.44
3.	Pokok Sena	2,200	3,148	948	43.09
4.	Sg. Petani	800	494	-306	-38.25
5.	P.Pinang	1,100	1,482	382	34.73
6.	Sbg. Perai	1,500	3,106	1606	107.07
7.	Taiping	1,500	2,422	922	61.47
8.	Kamunting	752	574	-178	-23.67
9.	Tapah	2,300	3,145	845	36.74
10.	Sg. Buloh	3,000	4,922	1922	64.07
11.	Puncak Alam	400	385	-15	-3.75
12.	Kajang	3,400	5,066	1666	49.00
13.	Wanita Kajang	1,500	1,178	-322	-21.47
14.	Seremban	900	973	73	8.11
15.	Jelebu	800	859	59	7.38
16.	Pra Bebas DDM	400	213	-187	-46.75
17.	Sg. Udang	3,000	3,876	876	29.20
18.	Jasin	400	171	-229	-57.25
19.	Spg. Renggam	880	905	25	2.84
20.	J.Bahru	1,100	916	-184	-16.73
21.	Kluang	2,500	3,018	518	20.72
22.	P.Chepa	1,500	2,861	1361	90.73
23.	Machang	940	1,520	580	61.70

**SOALAN NO : 229**

<b>BIL.</b>	<b>PENJARA</b>	<b>JUMLAH KAPASITI</b>	<b>JUMLAH PENGHUNI</b>	<b>JUMLAH PERBEZAAN</b>	<b>PERBEZAAN (%)</b>
24.	Marang	1,500	2,664	1164	77.60
25.	Dungun	400	664	264	66.00
26.	Penor	1,500	2,263	763	50.87
27.	Bentong	2,600	3,097	497	19.12
28.	K.Kinabalu	1,500	3,485	1985	132.33
29.	Wanita KK	400	289	-111	-27.75
30.	Sandakan	900	1,572	672	74.67
31.	Tawau	1,500	2,413	913	60.87
32.	Labuan	400	650	250	62.50
33.	P.Borneo	540	942	402	74.44
34.	Sri Aman	400	165	-235	-58.75
35.	Sibu	500	620	120	24.00
36.	Miri	500	499	-1	-0.20
37.	Limbang	600	185	-415	-69.17
38.	Bintulu	500	324	-176	-35.20
<b>JUMLAH</b>		<b>46,112</b>	<b>63,481</b>	<b>17,369</b>	<b>37.67</b>

Bagi menangani masalah kesesakan atau kepadatan ini, Jabatan Penjara Malaysia telah mengambil beberapa langkah proaktif seperti :

- i. Melaksanakan pemindahan banduan dari penjara sesak ke penjara yang kurang sesak;
- ii. Mempergiatkan pelaksanaan Sistem Parol, Perintah Kehadiran Wajib dan Pusat Pemulihan Pemasyarakatan yang mana kini telah melibatkan seramai 41,274 orang yang telah dan sedang menjalani pemulihan di luar penjara;

- iii. Meningkatkan keberkesanan pemulihan dan latihan bagi mengurangkan kemasukan semula banduan ke penjara selepas mereka dibebaskan;
- iv. Mengubahsuai penjara sedia ada bagi meningkatkan kapasiti;
- v. Kerjasama dengan mahkamah dan Jabatan Imigresen bagi mempercepatkan proses penghantaran pulang banduan warga asing yang telah selesai menjalani hukuman; dan
- vi. Meneliti lain-lain bentuk alternatif kepada hukuman pemenjaraan dan pelaksanaan program pemulihan di luar penjara yang mungkin boleh dilaksanakan di Malaysia.

Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Penjara Malaysia sentiasa bekerjasama dalam memastikan inisiatif-inisiatif dalam menangani masalah kesesakan di penjara ini dilaksanakan, bersama-sama dengan Agensi kerajaan lain yang berkaitan.